

SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Perbicaraan yang dijalankan kerana percubaan membunuh Sukarno, nampak dan jelas, bahawa pemuda-pemuda yang bertindak itu tidaklah daripada mereka yang tidak berpengetahuan agama tetapi ada daripada guru-guru agama yang dengannya sudah tentu telah mendalam di dalam jiwa mereka, melihat keadaan-keadaan di sekeliling mereka, bahawa adalah menjadi kewajipan perseorangan untuk menjalankan suatu tugas yang besar supaya Islam berdiri di Indonesia.

Oleh Wakil Khas Kita

Pemuda ini harus sepengertian dengan pendapat ulama Islam yang telah disiarkan di dalam Majalah Qalam keluaran bulan Ogos tahun 1957 yang mengatakan bahawa Sukarno dan komunis yang menyokongnya menghendaki supaya mereka menjadi kuffar; dan pemuda-pemuda ini harus telah berkeyakinan bahawa perbuatan-perbuatan Sukarno adalah mempermain-mainkan agama – Sukarno musuh Islam dan selagi Sukarno memerintah, negara Islam yang didam-idamkan oleh ummat Islam yang beriman di Indonesia tidak akan terdiri; dan Sukarno itulah puncanya penghalang cita-cita yang lima itu.

Kerana mereka pemuda agama, pemuda yang beriman kepada agamanya dan telah menyelami kemahuan agamanya, maka harus mereka terbaca ayat:

*Waddū law takfurūna kamā kafarū fatakūnu sawā'a falā
tattakhizū awliyā'a ḥattā yuhājirū fī sabīl Allāh fa'in
tawallaw fakhuzūhum waqtulūhum haithu wajattum wa lā
tattakhizū minhum waliyyā wa lā naṣīrā (q al-Nisa' 89)*

Ertinya: ((Mereka suka jika kamu kufur sebagaimana mereka kufur supaya kamu jadi sama. Kerana itu janganlah kamu ambil sahabat-sahabat dari mereka,

hingga mereka berhijrah di jalan Allah. Tetapi jika mereka berpaling maka tawanlah akan mereka dan bunuhlah mereka di mana-mana sahaja kamu bertemu. Janganlah kamu jadikan dari mereka seorang sahabat dan jangan seorang pembantu.))

Setelah menerima pengertian ayat ini, sebagai ummat Islam yang taat kepada perintah Tuhan dan tahu sebab musabab yang bakal meruntuhkan agama Allah di muka bumi Indonesia dengan Sukarno melorongkan musuh-musuh mereka (Komunis) dan musuh Allah, maka mereka boleh jadi yakin, sekalipun membunuh itu pada satu masa ditegah, tetapi melihat kepada keadaan telah memandangnya halal bahkan harus mereka berpendapat bahawa melakukan seruan membinasakan musuh-musuh Tuhan itu sebagai syahid, kalau ia sendiri terbunuh, maka dengan jernih hati mereka ke tengah menunjukkan kepada dunia Islam bahawa ummat Islam Indonesia tahu kewajipannya terhadap orang-orang munafik yang dihalalkan Tuhan darahnya.

Hendaknya ummat Islam di luar Indonesia mendoakan semoga pemuda-pemuda lain yang tahuhan kewajipannya bahawa jika Sukarno berjaya mengmiuniskan

TULISAN JAWI

Chontoh menulis jawi berguna dipakai di-dalam tiap2 sekolah yang mau mempelajari huruf jawi. – Chontoh di atas kertas tebal besar-nya 20” x25” buat di-gantung di-tembok. Diperse-tujuan oleh: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Per-sekutuan Tanah Melayu.

Anda empat keping – di-chitak dua warna, tiap2 sa-keping harga-nya \$1.- tambah post 10 cts.

Untok menyenangkan tuan2, chon-toh tulisan jawi ini boleh dapat di-beli di-tempat2 di-bawah ini:-

1. Hashim Abdullah,
134, Arab Street, Singapore-7.
2. A. Abdul Rahim,
31, Jalan Ibrahim,
Johore Bahru.
3. Saifi Bombay Store,
28, Jalan Rahmat,
Batu Pahat.
4. Muar Books Agency,
21, Jalan Abdullah, Muar.
5. Abbas Bandong Tailor,
59, Riverside, Malacca.
6. Anika Store,
3, Jalan Tunku, Seremban,
M. N. Abdul Hamid,
327, Batu Road,
Kuala Lumpur.
9. S. A. Azeez Bros.,
Railway Station B/Stall, Klang
10. Abdul Rahman Alyobi,
14, Hale Street, Ipoh.
11. Yahya Arif,
37, Jalan Kangsar,
Kuala Kangsar.
12. Al-Zaoniyah,
4-5, Pasar Melayu, Taiping.
13. Yahaya Basheer,
31, Pekan Rabu, Alor Star.
14. Timor Store,
12, Dato` Kramat Road, Penang.
15. Al-Ahliyah Press,
581, Jalan Tengku Putra Semerak,
Kota Bharu, Kelantan.

Indonesia maka agama Islam akan binasa. Mudah-mudahan Tuhan memberi pertunjuk kepada ummat Islam yang beriman di Indonesia!!!

* * *

Menurut Jakarta bahawa dengan jatuhnya Bukit

Tinggi perjuangan Republik Revolucioner telah lumpuh!

Mereka dapat melumpuhkan kebangkitan di Sumatera itu dengan bantuan senjata komunis. Apakah ini bererti perjuangan tamat dan Sumatera aman semula?

Tidak! Duduknya tentera Sukarno dari Jawa

di Sumatera sekarang seperti duduk di atas duri.

Kekalahan tentera kerana sokongan pasukan kapal terbang

Pusat tidak bermakna perjuangan habis, sebab perjuangan gerila tidak kurang bahayanya daripada perjuangan besar-besaran bahkan setiap saat tentera-tentera Sukarno dari Jawa itu akan menghadapi serangan yang bererti negara tidak akan aman.

Perjuangan terus berlaku sekalipun dengan

berkecil-kecil – dan yang sulit diperbaiki ialah permusuhan di antara Jawa dengan Sumatera.

Sudahkah Jakarta bersenang hati? Tidak! Tentera

Islam di Sulawesi telah berganding bahu dengan tentera Revolucioner di Sulawesi yang sekarang telah menguasai angkasa Sulawesi – ertinya Pusat tidak lagi bebas bergerak.

Bagaimana besar kerugian Pusat tidak dapat

diketahui kerana segala berita dari Pusat di-sensor.

Ini terbukti dengan Kapal Terbang Hang Tuah – ia tidak diketahui tenggelamnya jika tidak berita itu disiarkan di Singapura kemudiannya baharu diakui kebenarannya. Dengan

kejadian ini, kita yakin kerugian-kerugian besar tentu lebih-lebih diderita lagi oleh Pusat tetapi disembunyikan.

Bolehkah Sukarno meneruskan perjuangan itu? Jawabnya boleh kerana ia sendiri mengakui bahawa Russia adalah bersedia memberi wang dan apa-apa sahaja yang dikehendakinya. Tiap-tiap pemberian itu tentu ada syaratnya – dan dunia tentu mengetahui bahawa bantuan Russia itu ialah menghendaki supaya komunis bertapak di Indonesia yang dibuktikannya (Sukarno) dengan pemerintahannya cara komunis.


Sekalipun berkali-kali ia mengatakan yang ia bukan komunis tetapi dunia tahu Sukarno sudah di bawah telunjuk komunis dan kerana itulah ia membuat pemerintahan yang berlawanan dengan undang-undang dasar ummat Indonesia supaya ia berkuasa penuh dan menjadikan negara Indonesia negara komunis.

Sebab itulah orang-orang yang insaf, dengan Sukarno

tidak boleh lagi dibawa berunding tetapi kepadanya mesti dijatuhkan atau dilumpuhkan – serta pengertiannya dicabut dari akar-akarnya. Inilah yang harus menjadi kewajipan Republik Revolusioner itu!!

Untuk melaksanakan tujuan ini mustahak baginya menghantarkan utusan-utusan kepada tentera *Dār al-Islām* di Sulawesi, di Jawa dan Sumatera dengan membawa suatu “charter” menghormati perjuangan mereka untuk menghapuskan musuh bersama. Dengan kekuatan bersama inilah sahaja jalannya perjuangan Revolusioner akan dapat dijayakan dan komunis akan dapat dihapuskan dari bumi Indonesia.

Berilah alat-alat kelengkapan kepada tentera *Dār al-Islām* dan berilah alat-alat radio supaya suara Kahar Muzakkar dan Daud Beureueh berdengung di angkasa Indonesia membakar jiwa ummat Islam yang telah dilalaikan oleh Sukarno yang menjadi penghalang cita-cita ummat Islam di Indonesia!!!



Pesuruhjaya India di Malaya sedang menghadiahkan bagi kerajaannya sebuah patung kepada A. Mohamed Khir Johari selaku wakil Kerajaan Persekutuan.